



**KENYATAAN AKHBAR
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

BERKENAAN:

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN PEMATUHAN
JABATAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2019**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2019 SIRI 1**

1. Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan Negeri. Pengauditan terhadap pengurusan syarikat kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957. Perkara 107(1) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Perkara 107(2) pula menyebut mana-mana laporan yang berhubungan dengan sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi negeri itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri.
2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan

Jabatan Negeri Tahun 2019, dan LKAN Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 Siri 1 telah dibentangkan masing-masing di Dewan Rakyat pada 5 November 2020 dan 10 Disember 2020, setelah diperkenankan oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya kedua-dua LKAN telah mendapat perkenan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri masing-masing pada 20 November 2020 dan 21 Disember 2020 untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 1 September 2021.

3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

3.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan yang dijalankan mendapati Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah diberi Pendapat Tanpa Teguran. Penyata kewangan tersebut telah menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan kerajaan negeri dan rekod perakaunan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

3.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri

- a. Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan penyata kewangan kerajaan negeri, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan kerajaan negeri. Analisis Audit

berdasarkan kepada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

- b. Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah kukuh. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 adalah berjumlah RM2.100 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM128.95 juta berbanding RM1.971 bilion pada akhir tahun 2018.
- c. Baki Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2019 meningkat sebanyak RM80.21 juta menjadikannya berjumlah RM1.155 bilion berbanding RM1.075 bilion pada tahun 2018. Kutipan hasil menurun sebanyak RM325.53 juta atau 33% menjadi RM661.52 juta berbanding RM987.05 juta pada tahun 2018.
- d. Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan negeri pada tahun 2019 adalah memuaskan iaitu sejumlah RM233.23 juta (76.1%) telah dibelanjakan berbanding RM306.38 juta peruntukan yang diluluskan. Daripada 3,319 jumlah projek yang dirancang, 3,206 projek atau 96.6% telah disiapkan sepenuhnya, 37 projek (1.1%) sedang dilaksanakan manakala 76 projek (2.3%) belum mula, tangguh, lewat, batal dan projek sakit.
- e. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM173.60 juta atau 36.4% daripada RM477.50 juta pada tahun 2018 kepada RM303.90 juta pada tahun 2019. Pada akhir tahun 2019, tiada tunggakan bayaran balik hutang agensi kepada Kerajaan negeri.

- f. Baki Hutang Awam berjumlah RM53.77 juta berbanding sejumlah RM57.83 juta pada tahun 2018, iaitu menurun sebanyak RM4.06 juta atau 7%. Kerajaan negeri telah membuat pembayaran balik pinjaman mengikut jadual.
- g. Akaun Belum Terima mencatat peningkatan sebanyak RM5.85 juta atau 6.8% menjadi RM92.16 juta pada tahun 2019 berbanding sejumlah RM86.31 juta pada tahun 2018.

3.3. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

- a. Mengikut Seksyen 5(1)(c), Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- b. Setakat 31 Ogos 2020, bilangan Agensi yang telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 untuk diaudit adalah seperti berikut:

BIL.	PENYATA KEWANGAN	BILANGAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2019	DIKEMUKAKAN SEBELUM 31.08.2020
1.	Badan Berkanun Negeri	8	8
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	2	2
3.	Majlis Agama Islam	1	1
JUMLAH		11	11

- c. Daripada 11 agensi negeri yang telah mengemukakan penyata kewangan, hanya dua agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2020. Sembilan agensi mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh ditetapkan kerana kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan untuk mengekang penularan pandemik COVID-19. Agensi telah memohon pelanjutan tempoh untuk mengemukakan penyata kewangan sehingga 30 Jun 2020 dan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang. Bagaimanapun, satu daripada sembilan agensi berkenaan mengemukakan penyata kewangan melebihi tempoh yang diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri iaitu pada 23 Julai 2020.
- d. Setakat 31 Ogos 2020, sebanyak dua daripada 11 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2019 telah diaudit dan dikeluarkan Pendapat Tanpa Teguran. Sembilan penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan.
- e. Analisis terhadap prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan dalam Laporan kali ini memandangkan analisis bagi dua agensi sahaja tidak dapat memberi gambaran

sebenarnya berkaitan kedudukan kewangan agensi negeri secara keseluruhannya.

3.4. Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri

Laporan pada kali ini turut mengandungi perenggan yang berkaitan dengan pengauditan pematuhan. Pengauditan pematuhan terhadap jabatan/agensi negeri bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta rekod kewangan berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksanakan berdasarkan ISSAI 4000 dan 4100. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

- a. Pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksanakan terhadap sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap jabatan negeri.
- b. Pengauditan pematuhan dilaksanakan terhadap dua perkara melibatkan tiga jabatan seperti berikut:
 - Perbelanjaan Pemberian Dan Serahan Lain di Jabatan Kewangan Negeri; dan
 - Hasil Premium Tanah di Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSP) serta Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan (PDTSPS).

4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri

Pengauditan bagi pengurusan syarikat kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957. Pengauditan merangkumi tiga aspek iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat. Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 1 ini, pengauditan pengurusan syarikat kerajaan negeri telah dilaksanakan di Usaha Tarbiah (Pulau Pinang) Sdn. Bhd. (UTSB).

- a. Secara keseluruhannya, objektif penubuhan UTSB untuk mewujudkan, mentadbir dan mengurus sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) iaitu Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) telah tercapai. Bagaimanapun, tadbir urus korporat UTSB berada pada tahap kurang memuaskan di mana tujuh aspek amalan terbaik tadbir urus korporat syarikat belum dilaksanakan.
- b. Pengurusan aktiviti dari aspek prestasi dan pengurusan KITAB juga kurang cekap. Bilangan pelajar aktif, graduan dan pendapatan yuran pengajian pelajar menunjukkan trend penurunan setiap tahun. Terdapat kelemahan dalam pentadbiran KITAB, perakuan pendaftaran KITAB, pengurusan perolehan dan program pemasaran KITAB yang kurang berkesan. Sehingga 31 Disember 2019, tunggakan yuran pengajian pelajar adalah tinggi iaitu berjumlah RM5.10 juta.
- c. Kedudukan kewangan UTSB berada pada tahap stabil di mana UTSB telah mencatatkan keuntungan bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. Bagaimanapun, UTSB bergantung kepada geran tahunan daripada MAINPP bagi membiayai kos pentadbiran dan operasinya.

5. LKAN Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 dan LKAN Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2019 Siri 1 dijadual dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada **1 September 2021 jam 10 pagi** dan akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai **1 September 2021** selepas **jam 11 pagi**. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada jbaudit@audit.gov.my.

Ketua Audit Negara

1 September 2021 M
23 Muharram 1443 H